



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
FARMER'S ORGANIZATION AUTHORITY MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MALAYSIA



Menara LPP
No. 20, Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA
Atau Karung Berkunci 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Tel : 603-2610 9600
Faks : 603-2697 0987
Portal Rasmi : <http://www.lpp.gov.my>
E-mel : info@lpp.gov.my

Ruj. Kami : LPP(A) 5/16 (1)
Tarikh : 17 Mac 2020

Pengarah
Bahagian/Unit.....
Lembaga Pertubuhan Peladang

Ketua
Cawangan
Lembaga Pertubuhan Peladang

Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang
Negeri.....

Pengetua
Institut Pengurusan Peladang.....

YB Dato'/Tuan/Puan,


**PEMAKLUMAN KERAJAAN MEMUTUSKAN PERLAKSANAAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN, MULAI 18 MAC 2020 HINGGA 31 MAC 2020, DI
SELURUH NEGARA**

Dengan hormatnya perkara di atas dan perutusan khas YAB Perdana Menteri seperti dilampiran A adalah dirujuk.

2. Berdasarkan penularan wabak Covid-19 yang dikelaskan sebagai Pandemik, berikut adalah tindakan-tindakan penting yang perlu dilaksanakan:

....2/.

LAHIR PELADANG PROGRESIF



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO : QMS 01198

a) **Kawalan Premis Kerajaan**

- i. **Secara amnya, semua premis Kerajaan perlu ditutup.** Penjawat Awam termasuk pegawai-pegawai kanan **dibenarkan untuk bekerja dari rumah.** Bagi tujuan ini, Pegawai-Pegawai dibenarkan untuk membawa pulang aset keperluan seperti laptop dan dokumen-dokumen yang **bukan dikategorikan sebagai rahsia.** Kehadiran di Pejabat hanya dibenarkan bagi tujuan-tujuan tertentu yang kritikal untuk masa-masa tertentu sahaja dan digalakkan dibuat secara penggiliran;
 - ii. Aspek keselamatan bangunan harus dikekalkan. Pegawai Keselamatan harus sentiasa berada di pejabat bagi mengelakkan pencerobohan, kecurian dan sebagainya. Namun bilangan mereka ini perlu dihadkan serta dibuat penggiliran sewajarnya;
- b) Bayaran-bayaran penting seperti bayaran gaji anggota dan tuntutan yang telah dikemukakan kepada pejabat sebelum ini serta telah lengkap invoisnya perlu dibuat sewajarnya. Ini bagi mengelakkan syarikat-syarikat pembekal/kontraktor tidak terjejas terutamanya dalam Pembayaran gaji kepada pekerja mereka. **Unit kewangan yang menguruskan pembayaran dibenarkan untuk ke pejabat menyelesaikan Pembayaran dan pulang setelah selesai tugas.**
- c) Semua projek-projek fizikal yang tidak kritikal juga perlu ditangguhkan sehingga perintah ini terbatal. Perancangan dan urusan perolehan juga ditangguhkan.
- d) **Mesyuarat-mesyuarat yang tidak penting juga perlu ditangguhkan.**
- e) Ketua Jabatan harus memberi peringatan kepada penjawat awam supaya meneruskan tugas dan kekal berada dirumah. Tiada program-program lawatan atau program-program peribadi (seperti main golf, etc) dibenarkan. Hanya Ketua Keluarga sahaja dibenarkan untuk keluar bagi mendapatkan keperluan asas

seperti makanan dan perubatan dan terus pulang kerumah selepas selesai urusan. Penjawat awam yang didapati ingkar akan dikenakan tindakan tatatertib.

- f) Ketua Jabatan juga boleh memanggil pegawai yang perlu hadir ke Pejabat sekiranya ada keperluan melalui telefon atau media perhubungan seperti WhatsApp atau email.
- g) Dalam tempoh 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 pihak tuan disarankan untuk melaksanakan prosedur pembersihan/sanitasi dipejabat masing-masing dengan menghubungi Pejabat Kesihatan Negeri untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan prosedur berkenaan.

3. Sebagai langkah pencegahan, anggota dinasihatkan agar sentiasa menjaga kebersihan dan mengambil tindakan sewajarnya seperti disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Anggota diminta mengikuti arahan pihak kerajaan mengenai perkembangan situasi wabak Covid-19 dari semasa ke semasa.

4. Kerjasama dan perhatian pihak YB Dato'/Tuan/Puan untuk memanjangkan kepada semua anggota dibawah selian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Tema Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019
'MAKANAN KITA MASA DEPAN KITA'

Saya yang menjalankan amanah,



(AZULITA BINTI SALIM)
Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang
s.k

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
Lembaga Pertubuhan Peladang

Timbalan Ketua Pengarah Operasi
Lembaga Pertubuhan Peladang

PERUTUSAN KHAS
YAB PERDANA MENTERI MENGENAI COVID-19

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera, saudara-saudari rakyat Malaysia yang saya kasihi.

Malam ini, sekali lagi saya berada di hadapan saudara-saudari sekalian untuk memaklumkan situasi semasa ancaman wabak Covid-19 yang telah menimbulkan kebimbangan bukan sahaja di Malaysia, malahan di seluruh dunia.

Sehingga kini, wabak Covid-19 telah merebak di 135 buah negara. Seramai 162,711 orang telah disahkan positif Covid-19 di seluruh dunia. Daripada jumlah ini, seramai 6,443 orang telah meninggal dunia.

Di Malaysia, telah berlaku peningkatan kes Covid-19 secara mendadak, iaitu 190 kes semalam, disusuli 125 kes baharu hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan individu yang dijangkiti wabak ini adalah sebanyak 553 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 511 orang sedang dirawat di hospital, manakala 42 orang telah pun pulih.

Kerajaan memandang serius situasi semasa ancaman virus berbahaya ini terutama perkembangan gelombang kedua. Keutamaan Kerajaan pada masa ini adalah untuk mencegah penularan baharu wabak ini yang dibimbangi akan menjangkiti lebih ramai rakyat. Situasi semasa wabak ini memerlukan tindakan drastik diambil bagi memulihkan keadaan secepat mungkin.

Untuk itu, Kerajaan **memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan, mulai 18 Mac 2020, iaitu lusa hingga 31 Mac 2020, di seluruh negara.** Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Perintah Kawalan Pergerakan ini meliputi;

Pertama, larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Untuk menguatkuasakan larangan ini, semua rumah ibadat dan premis perniagaan

hendaklah ditutup, **kecuali** pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian. Khusus untuk umat Islam, penangguhan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk Solat Jumaat adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020.

Kedua, sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara. Bagi yang baru pulang dari luar negara, mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela (atau *self quarantine*) selama 14 hari;

Ketiga, sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara;

Keempat, penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti;

Kelima, penutupan semua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara; dan

Keenam, penutupan semua premis kerajaan dan swasta **kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (*atau essential services*)** iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan.

Saya sedar bahawa saudara-saudari mungkin merasakan bahawa tindakan yang diambil oleh Kerajaan ini menimbulkan kesulitan dan kesukaran untuk saudara-saudari menjalani kehidupan seharian. Namun, tindakan ini mesti diambil oleh kerajaan untuk membendung penularan wabak Covid-19 yang berkemungkinan meragut nyawa rakyat negara ini.

Kita telah melihat peningkatan wabak Covid-19 secara mendadak daripada puluhan orang yang dijangkiti virus ini kepada ribuan orang dalam masa yang

singkat di beberapa buah negara lain. Sudah pasti saudara-saudari tidak mahu keadaan yang sama berlaku di negara kita.

Kita tidak boleh menunggu lebih lama sehingga keadaan menjadi lebih meruncing. Tindakan drastik perlu diambil dalam kadar segera untuk menyekat penularan wabak ini dengan cara menghadkan pergerakan orang ramai. Inilah satu-satunya cara untuk kita mengelakkan lebih ramai rakyat negara ini dijangkiti wabak yang boleh meragut nyawa.

Saya harap saudara-saudari dapat bersabar menghadapi dugaan ini. Jangan panik, jangan cemas, dan sentiasalah bertenang. Saya percaya dengan langkah-langkah sekatan pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan, kita mampu menyekat penularan wabak ini dalam masa yang terdekat.

Kita telah melihat beberapa buah negara yang mengambil langkah yang agak drastik untuk mengawal penularan wabak ini seperti negara China yang telah menunjukkan penurunan mendadak kes-kes jangkitan Covid-19.

Saya juga ingin memberi jaminan bahawa bekalan bahan-bahan makanan, keperluan harian dan penjagaan kesihatan termasuk topeng muka adalah mencukupi. Saya telah mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna agar sentiasa memantau situasi bekalan makanan dan keperluan harian di pasaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini berkuatkuasa.

Saya merayu kepada saudara-saudari agar sentiasa mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan ini. Ini adalah tanggungjawab kita bersama yang mesti kita laksanakan sebagai rakyat yang prihatin terhadap keluarga kita, masyarakat kita dan negara kita.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara akan bermesyuarat setiap hari untuk memantau dan mengawasi situasi wabak Covid-19. Saya sendiri akan mempengerusikan mesyuarat ini dan memaklumkan kepada saudara-saudari perkembangan situasi wabak Covid-19 dari semasa ke semasa.

Jika saudara-saudari mempunyai sebarang pertanyaan berhubung Perintah Kawalan Pergerakan, saudara-saudari boleh menghubungi Pusat Pengurusan Operasi Negara di talian hotline 03-88882010 bermula jam 12 tengah hari esok.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua petugas kesihatan, penjawat awam dan semua pihak yang telah bertungkus-lumus bekerja siang dan malam untuk membendung wabak ini.

Saya berdoa agar saudara-saudari sekalian terus cekal dan tabah dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di negara ini sentiasa terpelihara.

Akhir sekali, saya berdoa agar saudara dan saudari sekalian sentiasa diberikan perlindungan oleh Allah S.W.T.

Wabillahitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.